

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUiTTHO.PB/10.12/04 Jld II (15)

Tarikh: 30 November 2006

PEKELILING BENDAHARI BIL. 08 / 2006

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

**PERATURAN PEMBELIAN BAJU / KEMEJA “T” / BAJU BATIK / “TRACK SUIT” / “VEST”
UNTUK PROGRAM PELAJAR DAN STAF KUiTTHO**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan pembelian baju / kemeja “T” / baju batik / “track suit” / “vest” dan pakaian-pakaian lain untuk program pelajar dan staf Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

2.0 LATARBELAKANG

Pekeliling ini menetapkan peraturan pembelian baju / kemeja “T” / baju batik / “track suit” / “vest” dan pakaian-pakaian lain untuk program pelajar dan staf Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti Bil. 11/2006 pada 8 November 2006.

**3.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PEMBELIAN BAJU / KEMEJA “T” / BAJU
BATIK / “TRACK SUIT” / “VEST” UNTUK PROGRAM PELAJAR DAN STAF KUiTTHO**

Adalah dimaklumkan bahawa, berikut adalah syarat-syarat dan peraturan yang akan digunapakai oleh Universiti:-

3.1 Pembiayaan Sepenuhnya

3.1.1 Staf

- (i) Perhimpunan Hari Pekerja
- (ii) Perhimpunan Hari Kebangsaan
- (iii) Perhimpunan-perhimpunan lain peringkat kebangsaan

3.1.2 Pelajar

- (i) Perhimpunan Hari Kebangsaan
- (ii) Pakaian formal untuk Majlis Perwakilan Pelajar iaitu "Blazer", Baju Batik, Baju Melayu dan baju "F1".
- (iii) Perhimpunan-perhimpunan lain peringkat Kebangsaan

3.2 Pembiayaan Sebahagian (50% daripada kos sebenar)

3.2.1 Staf

- (i) Sukan antara Universiti / badan berkanun atau peringkat kebangsaan (Track Suit, t-shirt dan topi sahaja)
- (ii) Aktiviti-aktiviti khas yang diluluskan oleh pihak Universiti

3.2.2 Pelajar

- (i) Sukan MASUM sahaja (track suit, t-shirt, dan topi sahaja)
- (ii) Pentauliahahan PALAPES (track suit sahaja)
- (iii) Aktiviti-aktiviti khas yang diluluskan oleh pihak Universiti

3.3 Program dan aktiviti lain selain di para 3.1 dan 3.2 di atas, segala kos pembelian adalah dibiayai sepenuhnya oleh staf atau pelajar tersebut.

3.4 Bagi program seperti dipara 3.0 di atas, baki hendaklah diuruskan melalui potongan gaji untuk staf dan secara tunai untuk pelajar.

3.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan perlu digunapakai kepada semua staf dan pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
☎ 7050

- s.k
- Yg. Bhg. Rektor
 - Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)
 - Ketua Unit Audit Dalam
- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn***